



20 MAY, 2021

SPRM tingkat pelaksanaan Persepakatan Integriti

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

SPRM tingkat pelaksanaan Persepakatan Integriti

Kerjasama dengan Kementerian Kewangan pantau rasuah dalam perolehan awam

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bekerjasama dengan Kementerian Kewangan ke arah meningkatkan pelaksanaan Persepakatan Integriti, termasuk mewujudkan mekanisme pemantauan bagi membanteras rasuah dalam perolehan awam.

Pada 2010, kerajaan memperkenalkan garis panduan bagi pelaksanaan Persepakatan Integriti dalam perolehan awam, yang mana ia dipromosikan oleh SPRM sejak itu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Azam Baki, berkata Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 terus mengesahkan penggunaan Persepakatan Integriti bagi memenuhi objektif mengukuhkan Rangka Kerja Perolehan Awam Malaysia.

Beliau berkata, Persepakatan Integriti Malaysia merangkumi tanggungjawab pihak berkuasa perolehan dan pembida untuk menghormati komitmen integriti dan antirasuah, serta sekatan untuk ketidapatuhan.

"Dari 2018 hingga 2020, se-

banyak 582,812 Persepakatan Integriti dimeterai yang melibatkan lebih RM29 bilion dalam kontrak perolehan awam," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapamannya sempena pelancaran serantau laporan tadbir urus global Bank Dunia bertajuk 'Meningkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Kerajaan: Membanteras Rasuah' secara maya, semalam.

Sementara itu, Azam berkata, pelaksanaan NACP 2019-2023 berjalan lancar dan kerjasama semua pihak penting untuk memastikan langkah menyeluruh bagi membanteras rasuah di negara ini.

Beliau berkata, setakat 31 Disember 2020, 29 daripada 115 inisiatif bagi mencapai enam strategi yang digariskan dalam NACP selesai dilaksanakan, sementara baki 86 inisiatif lagi dalam kemajuan.

"Mengakui bahawa usaha yang diselaraskan sangat penting untuk memastikan langkah pencegahan secara menyeluruh,

“Persepakatan Integriti Malaysia merangkumi tanggungjawab pihak berkuasa perolehan dan pembida untuk menghormati komitmen integriti dan antirasuah, serta sekatan untuk ketidapatuhan”

Azam Baki,
Ketua Pesuruhjaya SPRM

Malaysia menggembleng pembabitian pelbagai pihak berkepentingan utama sebagai agensi peneraju untuk melaksanakan inisiatif di bawah NACP.

"Antara agensi utama yang bertanggungjawab untuk melaksanakan NACP ialah SPRM. SPRM ditugaskan memegang peranan utama dalam 12 daripada 115 inisiatif," katanya.

Azam berkata, SPRM juga menerajui pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP), yang mana adalah satu inisiatif wajib di bawah NACP secara khusus dalam memperkukuhkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam.

Di samping itu, beliau berkata, Malaysia mencatatkan kemajuan yang ketara dalam membanteras rasuah dalam sektor swasta dengan pada 18 Mac 2021, syarikat penyewaan kapal menjadi organisasi komersial pertama di negara ini dihadapkan ke mahkamah atas pertuduhan memberi suapan untuk mendapatkan kontrak.

"Bagi menjaga kepentingan

awam dan memelihara kesejahteraan dan kemudahan yang lebih baik kepada rakyat, terdapat beberapa kes rasuah berprofil tinggi yang disiasat oleh SPRM.


"Pada April tahun ini, kami melumpuhkan 'kartel tender projek' yang dilaporkan memonopoli 354 tender daripada beberapa kementerian dan agensi kerajaan sejak 2014, membabitkan jumlah keseluruhan projek bernilai RM3.8 bilion," katanya.

Sementara itu, Naib Presiden Bank Dunia bagi Asia Timur dan Pasifik, Victoria Kwakwa, berkata Bank Dunia sedang membangunkan analisis data untuk meningkatkan analisis dan pengukuran rasuah dengan mengambil peluang daripada pertumbuhan data yang ada bagi membangunkan asas bukti yang lebih kukuh untuk pembaharuan dasar.

Beliau berkata, sebagai sebahagian daripada inisiatif itu, Bank Dunia melancarkan program penyelidikan dengan kerjasama akademik dan rakan pembangunan untuk memajukan pengukuran dan analisis rasuah, penilaian keberkesanan alat dan intervensi pencegahan rasuah, dan menjana pengetahuan baharu mengenai isu yang berkaitan dengan privasi, kualiti dan akses kepada data dalam bidang antirasuah.

"Kami menerima banyak idea inovatif untuk dikaji, maka nantikan lebih banyak mengenai hal ini di bulan yang akan datang," katanya.





20 MAY, 2021

SPRM tingkat pelaksanaan Persepakatan Integriti

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kerjasama dengan Kementerian Kewangan pantau rasuah dalam perolehan awam

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bekerjasama dengan Kementerian Kewangan ke arah meningkatkan pelaksanaan Persepakatan Integriti, termasuk mewujudkan mekanisme pemantauan bagi membanteras rasuah dalam perolehan awam. Pada 2010, kerajaan memperkenalkan garis panduan bagi pelaksanaan Persepakatan Integriti dalam perolehan awam, yang mana ia dipromosikan oleh SPRM sejak itu.